

BURUH ASING DI MALAYSIA: TREND, KAEDAH, KESAN, MASALAH DAN CARA MENGATASINYA

*(FOREIGN LABOUR IN MALAYSIA: TRENDS, METHODS,
IMPACTS, PROBLEMS AND STRATEGIES TO SOLVE THE
PROBLEMS)*

Che Hashim Hassan

Abstract

The arrival of foreign labor in Malaysia is to help meet the shortage of labour of the various economic sectors of the country. Their arrival, if not controlled, will decrease the local population's employment opportunities. However, the arrival of foreign labour was able to increase the country's output and reduce the rate of wages in the local labor market. Despite the benefits received by both the sending and receiving countries, many problems arise in the receiving country, Malaysia. This paper will analyze the budget allocated for foreign labor, the trend of the foreign labor's arrival, the effects of their arrival on employment opportunities of the local people, the benefits received by both sending and the receiving countries. It also discusses effects of wages, and yields some recommendations to maximize the benefits of the entry of foreign labor in Malaysia and steps to be taken to minimize the problems faced by the local people and government of Malaysia.

Keywords: Foreign labour, trend, wage, under employment, and budget

Pengenalan

Pekerja asing atau buruh asing bagi Negara Malaysia merupakan pekerja yang berasal dari negara luar yang datang bekerja atau untuk bekerja di Negara Malaysia bagi sesuatu tempoh tertentu. Kertas kerja ini melihat anggaran bilangan buruh asing yang berada di Malaysia sekarang, trend pekerja asing tidak mahir, pekerja asing mengikut negara asal, mengikut sektor, faedah yang diperolehi oleh negara asal mereka, faedah kepada negara kita Malaysia - kesan terhadap keluaran dan pasaran buruh bagi sesuatu sektor pekerjaan, kesan terhadap kadar upah, masalah yang sering dihadapi oleh Negara Malaysia dan beberapa syor atau langkah-langkah yang patut diambil oleh pihak berwajib untuk meminimumkan masalah yang dihadapi.

Anggaran Bilangan Buruh Asing di Malaysia

Pada tahun 1995, pekerja asing meliputi 35 peratus daripada tenaga pekerja di Malaysia. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1995-2000) penduduk

Malaysia meningkat pada kadar 2.3 peratus setahun manakala penduduk asing (bukan warganegara) meningkat pada kadar 4.3 peratus setahun. Pada 2005, penduduk asing meliputi 7.6 peratus daripada jumlah penduduk dalam umur bekerja di Malaysia, tidak termasuk penduduk asing tanpa izin.¹

Bilangan sebenar berapa ramai buruh asing yang berada di Malaysia sekarang ini adalah amat sukar untuk di ketahui. Kita dapat mengetahui bilangan yang datang secara rasmi (legal) untuk bekerja dengan menggunakan pasport dan permit pekerjaan tertentu, tetapi bilangan yang datang secara tidak rasmi atau "illegal" atau dipanggil juga sebagai "pendatang haram" amat sukar untuk dianggarkan bilangannya. Mengikut maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tenaga Kerja Malaysia bahawa sekarang ini secara rasminya pekerja asing yang berada di Malaysia adalah seramai kira-kira 2 juta orang.² Sabah, sebuah negeri di Malaysia yang paling ramai mempunyai pekerja asing yang "illegal" atau yang dipanggil sebagai pendatang haram dianggarkan mempunyai seramai 1.7 juta hingga 2 juta orang.³ Kebanyakan daripada mereka datang dari Filipina dan Indonesia dan separuh daripada mereka dikatakan mempunyai kad pengenalan dan menikmati semua hak sebagai rakyat negara ini termasuklah mengundi.⁴ Sejak tahun 2003, Sabah menerima pekerja asing dari Indonesia seramai 1.6 juta orang dan 569,000 daripada mereka terdiri dari pendatang haram.⁵ Tidak keterlaluan kalau kita menganggarkan bahawa jumlah minima buruh asing di Malaysia yang datang secara sah, mahir dan tidak mahir, adalah kira-kira 2 juta orang, manakala pendatang tanpa izin adalah kira-kira 2 juta orang. Jadi jumlah semuanya dianggarkan tidak kurang daripada 4 juta orang.⁶

Pekerja asing yang tidak mahir yang berdaftar telah meningkat dari 627,246 orang pada tahun 1997 menjadi 1,067,529 orang pada tahun 2002 dan meningkat menjadi 1,914,049 orang pada bulan Jun 2007.⁷ Jadual 1 di bawah menunjukkan trend pertambahan pekerja asing tidak mahir di Malaysia sejak tahun 1997 hingga Jun 2007.

Pada tahun 1998, bilangan pekerja asing tidak mahir di Malaysia telah berkurang sebanyak 37% jika berbanding dengan tahun 1997. Kemudian kadar pertambahan telah mula meningkat sebanyak 4.6% bagi tahun 1999, 53% bagi tahun 2000 menjadikan jumlah mereka seramai 635,062 orang. Kadar pertambahan semakin berkurang sehingga tahun 2004, dengan pertambahan 33.% bagi tahun 2001, 25.6% bagi tahun 2002, 25.2% bagi tahun 2003 dan 10% bagi tahun 2004. Jumlah pekerja asing tidak mahir pada tahun 2004 adalah seramai 1,470,090 orang dan meningkat sebanyak 23.5% pada tahun 2005 menjadi seramai 1,815,238 orang. Pada tahun 2006, peningkatan sebanyak 3.0%, dan sehinggalah bulan Jun 2007 bilangan mereka meningkat sebanyak 2.4% sahaja, menjadi jumlah semuanya seramai 1,914,049 orang.⁸

Trend pertambahan pekerja asing tidak mahir di Malaysia sejak tahun 1997 hingga Jun 2007 ditunjukkan dalam Gambar rajah 1 di bawah. Pada tahun 1998, pekerja asing tidak mahir di Malaysia menunjukkan pengurangan sebanyak 37% berbanding dengan tahun 1997. Di antara tahun 1998 dan 1999, trend menunjukkan pertambahan, dan pertambahan tersebut berterusan sehingga tahun 2005. Di antara tahun 1999 hingga tahun 2005 berlaku pertambahan sebanyak 339%, iaitu, dari jumlah 413,490 menjadi 1,815,238 orang. Sejak tahun 2005 hingga tahun 2007, pertambahan adalah dengan kadar yang perlahan, di antara tahun 2005 dan 2006 pertambahan sebanyak 3.0% dan sehingga Jun 2007, bilangan bertambah sebanyak 2.4%, menjadikan jumlah mereka pada bulan Jun 2007 seramai 1,914,049 orang.


Jadual 1: Pekerja Asing Tidak Mahir di Malaysia, 1997 – 2007

Tahun	Bilangan Pekerja	% Pertambahan
1997	627,246	-
1998	395,140	-37.0
1999	413,490	4.6
2000	635,062	53.6
2001	849,829	33.8
2002	1,067,529	25.6
2003	1,336,980	25.2
2004	1,470,090	10.0
2005	1,815,238	23.5
2006	1,869,209	3.0
2007*	1,914,049	2.4

Angka bagi tahun 2007 dikira sehinggalah akhir bulan Jun 2007.

Sumber: Data dari Jabatan Imigresen Malaysia, dipetik dari Kang (2007:30, Table 3.3).

Rajah 1: Trend Pertambahan Pekerja Asing Tidak Mahir Di Malaysia, 1997-2007




Sumber: Jadual 1.

Pekerja Asing Mengikut Negara Asal

Jumlah pekerja asing tidak mahir di Malaysia pada akhir Jun 2007 seramai 1,914,049 orang. Daripada jumlah tersebut, 61% datang dari Indonesia, 11.8% dari Nepal, 7.5% dari India, 6.2% dari Myanmar, 6.0% dari Vietnam, 3.2% dari Bangladesh dan bakinya dari lain-lain negara seperti Filipina, Thailand, Pakistan dan Cambodia.⁹ Jumlah bilangan pekerja asing tersebut mengikut negara asal mereka ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah. Jelas kelihatan bahawa majoriti pekerja asing yang tidak mahir di Malaysia sekarang ini datangnya dari negara Indonesia.


Gambarajah 2: Bilangan Buruh Asing Mengikut Negara Asal, Jun 2007



Sumber: Data dikira berasaskan peratusan dari Kang (2007 : 44, Jadual 3.8)

Peratusan pekerja asing tidak mahir mengikut negara asal ditunjukkan dalam Gambar rajah 3 di bawah:

Gambarajah 3: Peratus Tenaga Kerja Asing di Malaysia Mengikut Negara Asal, Jun 2007




Sumber: Kang, 2007 : 44, Table 3.8

Pekerja Asing Mengikut Sektor

Bilangan pekerja asing tidak mahir mengikut sektor bagi tahun 1997, 2002 dan 2007 ditunjukkan dalam Gambar rajah 4 di bawah:

Gambarajah 4: Pekerja Asing Tidak Mahir Mengikut Sektor, 1997-2007




Sumber: Kang, 2007 : 31, Table 3.4.

Jika diperhatikan sektor perkilangan yang paling ramai sekali menerima pekerja asing yang tidak mahir. Pada tahun 1997 terdapat seramai 226,508 orang dalam sektor ini, meningkat menjadi 323,299 orang pada tahun 2002 dan 662,319 pada akhir Jun 2007.¹⁰ Sehingga akhir Jun 2007, Sektor perladangan seramai 347,738 orang, pembantu rumah 318,561 orang, pembinaan 266,742 orang, perkhidmatan lain-lain 177,789 orang dan pertanian seramai 140,900 orang.

Peratusan pekerja asing tidak mahir mengikut sektor pada bulan Jun 2007, dirumuskan dalam Gambar rajah 5 di bawah. Daripada jumlah 1,914,049 juta orang pekerja asing tidak mahir tersebut, sektor perkhidmatan pembantu rumah sebanyak 16.6%, sektor pembinaan 13.9%, perkilangan 34.6%, perkhidmatan lain-lain 9.3%, perladangan 18.2% dan pertanian 7.4%.¹¹

Gambarajah 5: Pekerja Asing Tidak Mahir Mengikut Sektor, Jun 2007



Faedah yang Diperoleh oleh Negara Asal dan Negara Malaysia

Faedah Kepada Negara Asal

Seperti yang diketahui umum bahawa kebanyakan pekerja asing di Malaysia sekarang ini adalah datangnya dari Negara Indonesia, Nepal, India, Myanmar, Bangladesh, Filipina, Thailand, Cina, Vietnam dan Burma. Negara asal, sekurang-kurangnya dapat mengurang kadar pengangguran dan juga kadar “*under employment*” (bekerja dengan kadar upah yang rendah daripada sepatutnya). Negara asal juga mendapat faedah daripada kadar tukaran mata wang asing.

Mereka yang datang bekerja di Negara ini sudah pastinya tidak mempunyai pekerjaan di negara asal mereka atau kalau ada pekerjaan sekali pun kadar upah di Negara asal mereka adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar upah yang diterima mereka di Negara Malaysia. Faktor ini, walaupun tidak ada bukti empirikal untuk menyokong kenyataan tersebut, tetapi amat sesuai dengan penemuan kajian yang dibuat oleh seorang ahli ekonomi yang terkemuka M.P. Todaro. Todaro menyatakan bahawa alasan utama bagi buruh berpindah dari tempat asal ke tempat tuju adalah perbezaan kadar upah. Kadar upah di tempat tuju adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar upah di tempat asal.¹² Jamilah menjelaskan bahawa sebab-sebab utama kaum wanita Melayu berhijrah ke bandar di Semenanjung Malaysia bertujuan untuk mendapatkan pekerjaan dan memperbaiki taraf hidup.¹³ Findley menyatakan:

“No matter which theory is used to explain migration, the predominance of economics motives is generally recognized.....These economics motives fall into two general classes, the search for employment and the search for higher income.”¹⁴

Bhaludin mendapati bahawa alasan utama bagi orang-orang Kelantan pergi bekerja di Singapura pada tahun 1970-an dan 1980-an, adalah kerana di kampung tiada pekerjaan dan kalau ada pun kadar upah bekerja di kampung adalah sangat rendah.¹⁵

Jadi, dapat disimpulkan di sini bahawa kedatangan pekerja asing ke Malaysia adalah untuk mendapatkan pekerjaan dan mendapat upah yang lebih tinggi daripada bekerja di negara asal. Kang menjelaskan kadar upah di sektor pembinaan di Malaysia secara relatifnya lebih tinggi daripada kebanyakan negara ASEAN dan kadar upah di Malaysia lebih 10 kali ganda berbanding dengan kadar upah di Indonesia.¹⁶

Kebanyakan pekerja asing yang datang ke Malaysia ini, mereka bekerja bukan sahaja untuk menanggung diri, tetapi mereka menyimpan atau menabung dan sebahagian daripadanya dihantar pulang ke kampung halaman untuk menanggung anak isteri dan keluarga. Negara tempat asal mereka menerima wang hantaran tersebut dan mendapat faedah tukaran wang asing antara negara. Jumlah nilai wang yang dihantar pulang tersebut menjadi pendapatan kepada negara asal dan boleh digunakan untuk mendapat balik wang Malaysia atau membayar kos import bagi barang-barang atau perkhidmatan yang dijual oleh negara Malaysia.

Setiap tahun, jumlah ringgit Malaysia dikirim rakyat asing yang bekerja dalam pelbagai sektor di negara ini menerusi bank tempatan ke luar negara terus meningkat. Pada tahun 2007, sebanyak RM17.2 bilion mengalir keluar. Jumlah itu

dijangka meningkat mencecah RM18.1 bilion pada tahun 2008. Jumlah itu hanya membabitkan wang dihantar menggunakan perkhidmatan bank, dan dipercayai jumlah sebenarnya lebih tinggi lagi kerana ramai pekerja asing, terutama pendatang tanpa izin membawa sendiri wang apabila pulang ke negara asal atau mengirim menerusi saudara mara dan rakan. Jumlah wang kiriman pekerja asing ke luar negara itu adalah lebih tinggi berbanding cukai pendapatan individu yang dipungut Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) iaitu RM12 bilion pada tahun 2007.¹⁷

Bagi negara Indonesia, proses pengiriman tenaga pekerja Indonesia ke negara-negara lain merupakan satu aktiviti “pertukaran asing” yang amat menguntungkan negara mereka sendiri. Keadaan ini boleh dilihat daripada laporan ini: Berdasarkan laporan Bank Pembangunan Asia, jumlah pengiriman wang ke Indonesia oleh rakyatnya adalah lebih daripada jumlah eksport negara Indonesia. Adalah dipercayai bahawa jumlah pengiriman wang balik ke Indonesia telah mencecah US\$ 2.5 bilion pada tahun 2005.¹⁸ Jumlah pengiriman wang yang banyak tersebut dapat membantu negara Indonesia mengatasi masalah ekonomi negara mereka.

Kesimpulannya, kedatangan pekerja asing ke Malaysia sekurang-kurangnya dapat mendatangkan dua faedah utama kepada Negara asal; mengurangkan kadar pengangguran atau kadar “under employment” dan negara asal juga mendapat bekalan wang asing yang boleh digunakan untuk mengimport barang-barang dan perkhidmatan daripada negara Malaysia.

Faedah Kepada Negara Malaysia

Penglibatan pekerja asing tidak menyekat peluang pekerjaan pekerja tempatan, malah ia dapat membantu dalam membangunkan ekonomi negara. Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar, ini kerana kebanyakan pekerja asing terlibat dalam sektor yang memerlukan tenaga kudrat atau kategori yang dianggap kotor, bahaya dan sukar dan tidak diminati oleh rakyat tempatan.¹⁹

Sekarang ini, lebih empat juta orang pekerja asing berada di negara ini dan kebanyakannya mereka terlibat dalam enam sektor ; pembuatan, perladangan, pembantu rumah, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian.²⁰ Bilangan pekerja asing yang banyak itu menandakan bahawa sebenarnya negara kita amat bergantung kepada buruh asing dalam proses pertumbuhan dan pembangunan negara. Tanpa sumbangan buruh asing, terutamanya dalam sektor pembinaan, pembuatan, pertanian dan perkhidmatan pembantu rumah, ekonomi negara tidak dapat berkembang dengan cepat.

Malaysia sebuah Negara yang sedang pesat membangun dan mempunyai projek pembangunan dalam hampir semua sektor ekonomi. Negara kita mengalami kekurangan tenaga kerja terutamanya dalam sektor pertanian, pembinaan, kilang dan perkhidmatan. Kita memerlukan tenaga kerja untuk membantu mengusahakan ladang kelapa sawit, ladang getah, sawah padi, nelayan dan juga penternakan. Kita juga memerlukan tenaga kerja untuk membantu di sektor pembinaan di mana kita tidak cukup buruh mahir bagi bekerja di sektor tersebut. Kita memerlukan ramai pekerja untuk bekerja di kilang-kilang yang pesat pertumbuhannya sekarang ini. Di sektor perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan pembantu rumah, pencucian

pejabat dan kawasan dan perkhidmatan buruh kasar. Kedatangan pekerja asing tersebut dapat menampung kekurangan tenaga kerja dalam sektor-sektor yang disebutkan. Negara kita mendapat faedah bagi menampung kekurangan tenaga kerja dan dapat meneruskan pengeluaran dan perkhidmatan ke peringkat yang maksima. Di samping itu, firma-firma di Negara kita dapat mengurangkan tekanan kenaikan kadar upah akibat kekurangan tenaga buruh. Permintaan terhadap buruh dapat ditampung oleh penawaran buruh di pasaran. Jika tidak kerana kemasukan pekerja asing, firma-firma terpaksa membayar kadar upah yang lebih tinggi kepada buruh tempatan dan tidak dapat memenuhi keperluan mereka sehingga firma-firma tidak akan dapat memaksimumkan pengeluaran dan keuntungan mereka.

Kesan Terhadap Peluang Pekerjaan Terhadap Rakyat Tempatan

Sekarang ini terdapat kira-kira 12.5 juta peluang pekerjaan di Malaysia dan tenaga kerja yang ada adalah seramai 11 juta orang.²¹ Kedatangan pekerja asing sekarang ini boleh dianggap dapat menampung keperluan tenaga kerja di Negara kita. Jika sekiranya kedatangan mereka menyebabkan tenaga kerja melebihi bilangan peluang pekerjaan yang ada di Malaysia, sudah pasti akan menjejaskan peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan. Bagi sektor-sektor tertentu seperti perkhidmatan di stesen minyak dan di "hypermarkets", kemasukan pekerja asing bagi sektor tersebut boleh dihadkan dan digantikan dengan pekerja tempatan kerana pekerjaan di sektor ini tidaklah susah, tidak kotor dan tidak merbahaya.²² Begitu juga bagi sektor lain yang dikira rakyat tempatan boleh mengambil tempat, hendaklah dikenal pasti dan kemasukan pekerja asing ke sektor tersebut hendaklah dihadkan dan digantikan dengan rakyat tempatan.

Kesan Terhadap Keluaran Negara


Kita boleh mentafsirkan bahawa di negara kita, terdapat sektor-sektor tertentu yang masih mempunyai kekosongan yang ketara yang amat memerlukan sejumlah penawaran tenaga kerja yang banyak. Sektor yang tidak digemari oleh rakyat tempatan seperti sektor pertanian, perkhidmatan (pembantu rumah) pembinaan dan pembuatan. Oleh itu, kemasukan pekerja asing dari luar bukan sahaja dapat menampung kekurangan pekerja bagi sektor-sektor tersebut tetapi dapat menambahkan jumlah keluaran negara, Pertambahan keluaran akan menyebabkan harga keluaran barangan atau perkhidmatan tersebut akan menjadi lebih rendah daripada sepatutnya. Keadaan ini ditunjukkan dalam Gambar rajah 6 di bawah.

Pertambahan tenaga buruh ditunjukkan oleh peralihan kelok penawaran buruh yang beralih dari SS_0 ke SS_1 . Hal tersebut menyebabkan keluaran bagi sektor ini telah meningkat dari Q_0 ke Q_1 dan harga bagi barangan keluaran jatuh dari H_0 ke H_1 .


Kesan Terhadap Kadar Upah

Dari segi teori ekonomi mikro, kadar upah ditentukan oleh pasaran buruh. Permintaan dan penawaran tenaga buruh di pasaran yang akan menentukan tingkat kadar upah. Dalam bahasa yang mudah, jika sesuatu industri memerlukan

Gambarajah 6: Kesan Pertambahan Buruh Asing Terhadap Keluaran Negara



Gambarajah 7: Keseimbangan Pasaran Buruh dan Kadar Upah



Sumber: Mankiw, N.G. 1998 : 390, Figure 18.4.

buruh yang ramai dan bilangan pekerja yang ingin bekerja adalah sedikit, maka kadar upah berkecenderungan untuk naik. Sebaliknya, jika terdapat ramai pekerja yang ingin bekerja dalam sesuatu industri sedangkan bilangan pekerja yang diperlukan oleh industri adalah sedikit, atau dengan lain perkataan terdapat lebih buruh bagi industri tersebut, maka kadar upah akan turun.

Untuk melihat kesan kemasukan pekerja asing terhadap pasaran buruh di Malaysia dapat ditunjukkan dengan menggunakan Gambar Rajah 7 di atas. Gambar-ajah di atas menunjukkan keseimbangan dalam pasaran buruh. Kadar upah adalah bergantung kepada penawaran (supply) dan permintaan (demand). Disebabkan oleh kelok permintaan menunjukkan nilai keluaran marginal buruh (marginal product of labour), dalam keseimbangan pekerja menerima upah sebanyak nilai keluaran marginal keluaran barang-barang dan perkhidmatan. Kadar upah dalam pasaran adalah pada paras W_0 .

Kemasukan pekerja asing dalam konteks ini, menyebabkan peralihan kelok penawaran (supply) ke kanan. Keadaan ini dapat dilihat dalam Gambar Rajah 7 di atas. Kelok penawaran buruh beralih dari S_0 ke S_1 . Pada asalnya kadar upah pada tingkat W_1 . Sekarang kuantiti buruh yang ditawarkan adalah melebihi kuantiti buruh yang diminta. Kelebihan penawaran buruh tersebut mendesak kadar upah untuk turun ke paras W_2 akibat daripada pertambahan buruh yang ditawarkan meningkat dari L_0 ke L_1 . Penurunan dalam kadar upah tersebut menyebabkan firma beroleh keuntungan yang lebih dengan menggunakan lebih ramai buruh. Bilangan pekerja telah meningkat, keluaran marginal buruh (marginal product of labour) telah jatuh begitu juga dengan nilai keluaran marginal. Dalam keseimbangan baru, kedua-dua kadar upah dan nilai keluaran marginal adalah lebih rendah berbanding dengan sebelum kemasukkan pekerja asing tersebut.

Mankiw telah menerangkan bagaimana kesan pertambahan dan pengurang tenaga buruh dapat mempengaruhi kadar upah.²³ Dalam tahun 1980-an, beribu-ribu orang Palestin berulang-alik dari rumah mereka bekerja terutamanya dalam industri pembinaan dan pertanian di West Bank dan Gaza Strips, kawasan yang diduduki oleh Israel. Kadar upah pada masa itu adalah relatifnya rendah dan menguntungkan. Pada tahun 1988, keadaan politik di kawasan tersebut telah berubah dan kerajaan Israel mengambil langkah – perintah berkurung, permit kerja disemak dengan ketat dan tidak membenarkan pekerja bermalam di tempat kerja, yang menyebabkan berkurangnya pekerja dari Palestin tersebut. Kesan ekonomi keadaan tersebut tepat seperti jangkaan teori ekonomi. Bilangan pekerja Palestin berkurang 50%, dan mereka yang masih meneruskan pekerjaan di kawasan tersebut mendapat kenaikan kadar upah lebih kurang 50%. Dengan berkurangnya pekerja Palestin tersebut, nilai keluaran marginal (value of marginal product) pekerja yang masih tinggal menjadi lebih tinggi.

Berdasarkan perbincangan setakat ini, jelas dapat kita simpulkan bahawa kedatangan pekerja asing ke Malaysia dapat membantu sektor ekonomi yang tidak mencukupi tenaga buruh dengan kemahiran tertentu. Kesan umum secara ekonomi dapat kita simpulkan bahawa kedatangan mereka akan menambah penawaran buruh dalam ekonomi seterusnya meningkatkan keluaran dan menurunkan kadar upah. Kalau tidak diambil tindakan mengawal atau menghadkan kemasukkan pekerja asing tersebut dan menentukan kadar upah minima, sektor-sektor tertentu dalam ekonomi Negara kita akan mengalami kelebihan tenaga buruh yang ramai dan kadar upah akan turun kepada satu kadar yang sangat rendah malah akan lebih rendah daripada kadar upah minima yang sepatutnya.

Langkah-Langkah yang Patut Diambil

Membendung Kemasukkan Pekerja Secara Haram atau pendatang

Kemasukan pekerja secara haram sepatutnya dihapuskan atau dikawal ketat oleh pihak kerajaan. Kemasukkan mereka bukan sahaja boleh menimbulkan pelbagai masalah sosial dan jenayah, tetapi akan menyulitkan pihak kerajaan untuk merancang keperluan tenaga buruh bagi setiap sektor dalam ekonomi negara kita. Hal ini akan timbul kerana bilangan mereka agak sukar untuk kita anggarkan. Disamping itu, kemasukkan pekerja secara haram yang tidak kita ketahui kemahiran mereka, boleh mendatangkan pelbagai masalah sosial dan jenayah di negara kita ini. Sebagaimana yang dikatakan oleh Jatswan Sidhu :

“Immigration policies must be tightened to control the free flow of migrants and illegal, because some get involved in transnational crimes, which could threaten national security.”²⁴

Mengutamakan Rakyat Tempatan Bekerja di Pelbagai Sektor

Kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada rakyat tempatan untuk bekerja di pelbagai sektor di negara kita. Misalnya, bagi sektor perkhidmatan sebagai pembantu rumah, pihak kerajaan mestilah mengenal pasti bilangan penduduk yang memerlukan pembantu rumah mengikut kategori etnik, agama dan jenis kemahiran yang diperlukan. Pihak kerajaan juga mestilah mendaftarkan penduduk tempatan yang berminat untuk menjadi pembantu rumah. Latihan kemahiran asas pembantu rumah hendaklah diberikan kepada mereka supaya mereka boleh menjadi pembantu rumah yang profesional. Hal ini adalah selaras dengan cadangan yang dibuat oleh YB. Dr. Ng Yen Yen, Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat.²⁵ Kos pengendalian latihan tersebut hendaklah ditanggung oleh majikan yang berminat untuk mengambil mereka. Kos tersebut adalah jauh lebih rendah daripada kos yang terpaksa dibayar oleh majikan untuk mengambil pembantu rumah warga asing. Tawaran boleh dibuat kepada potensi majikan yang berminat untuk mengambil mereka.

Apabila bilangan potensi pembantu rumah tempatan tidak mencukupi untuk menampung permintaan majikan, barulah pihak kerajaan boleh menganggarkan bilangan keperluan pembantu rumah asing mengikut keperluan majikan dan mengeluarkan kuota pengambilan pembantu rumah asing mengikut negara asal dan agama yang sesuai dengan kehendak potensi majikan. Pembantu rumah asing juga hendaklah diberi latihan kemahiran asas untuk menjadi pembantu rumah supaya tidak menimbulkan banyak masalah apabila mereka bekerja dengan majikan nanti. Satu modul ringkas bagi latihan kemahiran untuk menjadi pembantu rumah bagi penduduk tempatan dan juga asing hendaklah dibuat. Modul dan latihan tersebut hendaklah dibuat dan dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia dibawah unit latihan kemahiran atau mana-mana pihak yang diberi kuasa untuk melaksanakannya.

Dengan berbuat demikian, kita mengutamakan rakyat tempatan untuk bekerja di sektor pembantu rumah, dan apabila bilangan mereka tidak mencukupi barulah ditambah dengan pembantu rumah dari negara asing. Begitulah juga perlu dibuat bagi keperluan pekerja bagi sektor-sektor lain, seperti sektor pembinaan,

perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian. Satu sekim gaji khas termasuk gaji minima dan terma kerja juga hendaklah dibuat dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak, pekerja dan majikan. Dengan berbuat demikian, masalah lebihan atau kekurangan buruh dalam suatu sektor dan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan pekerjaan dan upah akan dapat diminimakan.

Merancang Keperluan Tenaga Kerja yang Tidak Mencukupi

Pihak kerajaan mesti menganggarkan keperluan tenaga kerja bagi setiap sektor ekonomi dalam negara kita. Hal ini mustahak dibuat supaya kita dapat menganggarkan keperluan tenaga kerja tambahan bagi setiap sektor dan mengeluarkan pas atau permit kerja bagi pekerja asing mengikut keperluan kita. Kemasukan pekerja asing tersebut jangan sampai menjejaskan peluang bagi penduduk tempatan dan juga jangan sampai menekan penurunan kadar upah ke tahap yang sangat rendah.

Mengambil Pekerja Asing Mengikut Kemahiran yang DiPerlukan

Kuota pengambilan pekerja asing juga hendaklah mengikut kemahiran tertentu dan mengikut keperluan setiap sektor dalam ekonomi negara kita. Jika tidak dibuat demikian, akan berlaku kelebihan buruh dalam sektor tertentu tetapi kekurangan pula dalam sektor yang lain. Hal ini perlu dikaji dan dibuat tindakan yang pro-aktif agar tidak berlaku pengangguran di kalangan orang tempatan dan juga kepada pekerja asing yang datang tersebut. Pengangguran akan menyebabkan berlakunya banyak penyakit sosial dan jenayah yang lain, membebankan rakyat dan kerajaan untuk menangannya.

Pengurusan Tenaga Kerja Asing Hendaklah Dikemaskinikan

Pengurusan tenaga kerja asing hendaklah dikemaskinikan. Satu data bank perlu diwujudkan untuk mengawal dimana mereka berada atau dengan syarikat atau sektor ekonomi mana mereka bekerja. Kemungkinan timbul masalah tinggal di Malaysia atau bekerja melebihi tempoh yang ditetapkan (*over-stayed*) dan menjadi pekerja dalam status pendatang haram pula. Penguatkuasaan juga perlu dipertingkatkan agar pekerja asing tersebut tidak lari atau berpindah tempat kerja tanpa kebenaran majikan dan pihak kerajaan. Hal ini perlu diambil perhatian serius kerana "*migrants can move easily, and the market does not discriminate between terrorists and others. This is the dark side of globalisation.*"²⁶

Kesimpulan

Kedatangan pekerja asing ke Malaysia boleh dikatakan dapat menampung kekurangan tenaga buruh di Malaysia. Jika sekiranya kedatangan mereka menyebabkan pertambahan tenaga kerja melebihi daripada peluang pekerjaan yang ada di Malaysia, barulah ianya akan mengurangkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Sekarang ini, kedatangan pekerja asing menambahkan penawaran tenaga buruh dalam sektor ekonomi tertentu dan kesannya

menambahkan keluaran negara dan menurunkan kadar upah atau gaji bagi pekerja dalam sektor tersebut. Makin ramai pekerja asing yang datang, maka makin rendah kadar upah dalam pasaran buruh tertentu.

Kedatangan pekerjaan asing boleh mendatangkan faedah kepada negara asal mereka dan juga kepada negara penerima seperti Malaysia. Negara asal dapat mengurangkan kadar pengangguran dan kadar “*under employment*” dan mendapat tukaran wang asing, manakala negara penerima mendapat pekerja untuk menampung kekurangan pekerja dalam sektor-sektor ekonomi tertentu seperti sektor pertanian, pembinaan, kilang dan perkhidmatan.

Di samping faedah yang didapati, kemasukan pekerja asing ke negara kita perlu juga diawasi dan diambil langkah-langkah yang pro-aktif seperti yang disyorkan di atas. Kalau tidak, kemasukan pekerja asing akan menjejaskan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Masalah sampingan akibat kemasukan pekerja-pekerja asing ke Malaysia tersebut akan menjadi lebih serius, tidak dapat dikawal dan akan mendatangkan banyak masalah sosial, politik dan jenayah di negara kita sekarang ini.

Nota hujung

¹ *Utusan Online*, 25 Oktober 2007.

² “Tenaga kerja Asing Di Malaysia,” Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia (KSM), 2008, Unpublished data.

³ M.V. Pandiyan, “Sabah Feels the Strain,” in *The Star*, 19th June 2008, h. 44.

⁴ *Ibid.*

⁵ TV3, Berita Jam 8.00 malam, 28hb Jun 2008.

⁶ Kenyataan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, dipetik dari Berita Jam 7.00 pagi, RTM 1, 16hb Jun 2008.

⁷ Hyoji Kang, “Foreign Labour Inflows to Malaysia,” (Dissertation submitted in Fulfilment of the requirements for the degree of Master of Economics, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya. 2007), h. 30, table 3.3.

⁸ *Ibid.*

⁹ *Ibid.*, h. 44, Table 3.8.

¹⁰ *Ibid.*, h. 31, Table 3.4.

¹¹ *Ibid.*

¹² M.P. Todaro, *Economics Development*, 8th Edition, (London: Pearson Addison Wesley, 2000), h. 203-208.

¹³ Jamilah Ariffin, “Penghijrahan Buruh wanita Melayu Ke Sektor Perkilangan, Satu Masalah ekonomi Bumiputra,” Kertas Kerja Dibentangkan Di Konvensyen Ekonomi Bumiputra, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 19-22 Mac 1978.

¹⁴ S. Findley, *Planning of Internal Migration: A Review of Issues and Policies in Developing Countries* (Washington: U.S. Government Printing Office, 1977), h. 11.

¹⁵ Bhaludin Saleh, "Migrasi Buruh Negeri Kelantan Ke Singapura: Kajian Kes di Mukim Kubang Chenok, Pasir Mas, Kelantan," (Thesis Ijazah Sarjana Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2007), h. 92.

¹⁶ Kang, Hyoji, "Foreign Labour Inflows to Malaysia," h. 26 dan 27.

¹⁷ Dipetik dari, <http://groups.google.com.my/group/komunitioku/browsethread/thread/79ec20ccc711cf1e>

¹⁸ Asian Development bank, "Workers' Remittance Flows in Southeast Asia." 2006, dipetik dari <http://209.225.62.100/Documents/Reports/Workers-Remittance/chap2.pdf>

¹⁹ (Dipetik dari www.imi.gov.my).

²⁰ (<http://arts.anu.edu.au/suara/salleh6.rtf>).

²¹ RTM "Kenyataan Menteri Sumber Manusia Di Dewan Rakyat," Laporan Sidang Parlimen, TV 1, Jam 11.30 malam, 24hb Jun 2008.

²² Kenyataan YB. Dato' Shahrir Samad, Menteri Perdagangan dan Hal-Ehwal Pengguna, Dipetik dari Satiman Jamin, *The New Straits Times*, Isnin, 15 September, 2008.

²³ N.G. Mankiw, *Principles of Microeconomics* (Orlando: The Dryden Press, 1997).

²⁴ *The Sun*, Sept 30, 2001, h. 17.

²⁵ *The Star*, March 3, 2009, h. 17.

²⁶ Zainal Aznam Yusoff, "Security Policies due for a total makeover," *The Sun*, Sept 30, 2001, h. 17.